

10 JAN 2003

Straw-Penghargaan/I

BRITAIN HARGAI USAHA M'SIA BANTERAS KEGANASAN, KATA STRAW

SEPANG, 10 Jan (Bernama) -- Britain menghargai usaha kerajaan Malaysia membanteras keganasan di dalam negara dan juga kerjasama yang dihulurkannya dalam memerangi keganasan di peringkat antarabangsa, kata Setiausaha Hal Ehwal Luar dan Komanwel Britain, Jack Straw.

Straw yang tiba di negara ini untuk lawatan rasmi sehari bagaimanapun tidak merujuk kepada mana-mana sumbangan spesifik Malaysia kecuali berkata negaranya "menghargai kerjasama dan langkah-langkah yang telah diambil oleh Malaysia".

Straw juga berkata pertemuan beliau bersama tiga pemimpin Malaysia iaitu Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dan Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar telah membantu menjelaskan kedudukan negaranya dalam pelbagai isu.

"Kami telah membincangkan mengenai Iraq, Asia Barat, Burma. Mengenai Iraq, pendirian Kerajaan Britain ialah negara itu mesti melaksanakan resolusi 1441 Majlis Keselamatan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) yang dideraf oleh Amerika dan Britain, untuk memastikan Saddam Hussien melucutkan senjata kemusnahan sejagat secara aman".

"Britain bersetuju bahawa diplomasi aktif harus digunakan untuk memujuk Iraq mematuhi resolusi 1441," kata beliau kepada pemberita dalam persidangan berita selepas menamatkan lawatan ke negara ini.

Bagaimanapun, beliau berkata tindakan ketenteraan tidak dapat dielakkan jika berlaku pencabulan oleh Iraq pada resolusi 1441 PBB.

Straw berkata semasa pertemuan dengan tiga pemimpin itu, ketiga-tiga mereka telah menyatakan rasa kecewa terhadap apa yang mereka anggap sebagai pendirian berat sebelah Barat dalam isu-isu antarabangsa khususnya yang menyentuh negara-negara Asia Barat seperti Palestin dan Iraq.

"Kami sedar akan pendapat ini (berat sebelah) oleh Barat dan kami pun tidak menerima amalan pilih kasih ini," katanya merujuk kepada konflik antara Palestin dan Israel.

"Mengenai kemelut di Asia Barat, kerajaan Britain komited dalam proses keamanan yang telah dibentangkan dan akan mengadakan satu lagi mesyuarat antara Palestin dan Israel Selasa depan," katanya.

Straw pulang malam ini selepas lawatan empat hari ke Asia Tenggara. Sebelum tiba di Malaysia beliau telah singgah di Singapura, Indonesia dan Malaysia.

-- BERNAMA

AT PR